

Kuliah dalam talian elak jangkitan

Dr Noor Ayuni Che Zakaria

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Shah Alam



kampus satelit negeri (11) dan kolej bersekutu (21), UiTM memulakan inisiatif memperkenal e-pembelajaran bermula 2005.

Ia juga sentiasa menambah baik portal pendidikan dan penyelesaian itu menunjukkan kepentingan mewujudkan alternatif lain dalam proses PdP.

Dengan kebolehcapaian internet di negara, penularan wabak COVID-19 seharusnya tidak mengganggu proses PdP di institusi pengajian tinggi. Selain portal rasmi e-pembelajaran yang dibangunkan sesetengah universiti, pensyarah boleh menggunakan portal di platform atau web sedia ada seperti Zoom, Google Suite dan Google Classroom.

Google Meet, iaitu platform video konferensi juga aplikasi di-integrasi di dalam *Google Suite*. Namun, jika sesetengah pensyarah merasakan platform di atas agak rumit, aplikasi *Live Facebook*, *WhatsApp Business* dan konferensi video *Skype* menjadi pilihan yang ada. Berfikiran kritis dan kreatif dalam situasi sebegini membantu kita menghadapi pandemik ini dengan lebih matang.

Pilihan lain lebih canggih adalah seperti Microsoft Team, iaitu platform komunikasi dan kolaborasi komunikasi maya untuk satu tempoh tertentu membabitkan pembelajaran secara langsung, video mengenai kandungan silibus, storan fail tugas kerja dan integrasi aplikasi lain.

Bagi pensyarah yang sudah lama berkecimpung dalam metodologi e-pembelajaran, arahan pe-



Keratan akhbar BH semalam.

laksanaan PdP dalam talian daripada pihak pengurusan universiti memberi peluang menggunakan sepenuhnya kandungan pembelajaran yang dibangunkan sebelum ini melalui *Screen-Cast-O-Matic*.

Ia aplikasi web berdasarkan Java yang boleh digunakan untuk menghasilkan video pendek yang dirakam bersama suara pengguna atau individu menghasilkan kandungan pembelajaran berkenaan dan pada masa sama, memaparkan segala pergerakan pada parapan monitor.

Namun diakui, tidak semua kandungan pembelajaran dan silibus menepati metodologi PdP di atas talian seperti saranan pengu-

rusan universiti. Sebagai contoh, makmal, kerja lapangan, bengkel, studio, aktiviti padang atau kerja dapur.

Sebagai langkah pencegahan, beberapa prosedur pelaksanaan digarisukkan pihak pengurusan universiti.

Bagi sebarang penyampaian membabitkan keadaan bersempuka (*face to face*) dengan kumpulan besar, mereka disarankan untuk dipecahkan kepada kumpulan lebih kecil.

Mereka juga perlu memastikan jarak selamat satu meter dan mematuhi langkah keselamatan serta kesihatan yang digarisukkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pusat Kesihatan

Institusi pengajian tinggi adalah kawasan ramai orang berkumpul hampir setiap hari. Diharapkan alternatif sesi PdP secara dalam talian mampu membendung penularan wabak COVID-19 antara warga universiti tanpa menjelaskan sektor pendidikan itu sendiri.

(PK) universiti masing-masing. Turut ditekankan, aktiviti penyuariahan pelajar perlu memastikan diadakan dalam jarak satu meter.

Institusi pengajian tinggi adalah kawasan ramai orang berkumpul hampir setiap hari. Diharapkan alternatif sesi PdP secara dalam talian mampu membendung penularan wabak COVID-19 antara warga universiti tanpa menjelaskan sektor pendidikan itu sendiri.

Kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Pengajian Tinggi dan pengurusan tertinggi universiti yang memberi kelonggaran dan juga pensyarah serta pelajar amatlah diperlukan.